



KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 10 TAHUN 1996

PEMBERIAN IMBUHAN TETAP PERUMAHAN
BAGI ANGGOTA DI BAWAH SKIM PERKHIDMATAN
JAWATANKUASA KABINET 1976

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk melaksanakan keputusan Kerajaan mengenai pemberian Imbuhan Tetap Perumahan (ITP) bagi anggota yang berkhidmat di bawah skim perkhidmatan Jawatankuasa Kabinet (JKK) 1976.

PELAKSANAAN

2. ITP **tidak diberi** kepada anggota yang berkhidmat di bawah skim perkhidmatan JKK 1976 -

- 2.1. yang dibuang kerja atau meletak jawatan pada atau selepas 1 Januari 1995;
- 2.2. yang menikmati kemudahan perumahan Kerajaan (termasuk anggota yang bertukar wilayah yang disediakan rumah berasaskan Had Kadar Sewa Rumah mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 1987);
- 2.3. yang mendapat Bantuan Sewa Rumah;
- 2.4. yang ditawarkan Cuti Belajar dengan Biasiswa/Hadiah Latihan di luar negeri, dan membawa bersama keluarga;

2.5. yang bercuti tanpa gaji, dan

2.6. Anggota yang menduduki **Rumah Khas Jabatan** yang disediakan **secara percuma** atau **Rumah Kerajaan Persekutuan/Kerajaan Negeri/Pihak Berkuasa Berkanun/Pihak Berkuasa Tempatan yang tidak dikenakan sewa.**

3. Anggota di perenggan 2.2 tidak perlu membayar sewa rumah dan tidak layak ITP mulai 1 Mac 1997. Sewa yang telah dibayar bagi tempoh 1 Januari 1995 sehingga 28 Februari 1997 tidak akan dibayar balik. Bagi **tempoh interim** tersebut (1.1.1995 sehingga 28.2.1997) anggota layak dibayar ITP mengikut kelayakan masing-masing.

4. Jika lebih daripada seorang anggota menduduki sebuah Rumah Kerajaan dan semua anggota dikenakan sewa, maka semua anggota layak ITP dalam **tempoh interim**. Selepas **tempoh interim**, semua anggota tersebut tidak lagi dikenakan sewa dan tidak layak ITP.

5. Anggota yang menduduki Rumah Kerajaan yang dikenakan bayaran sewa dua kali ganda mengikut Perintah Am 21 atau 22 Bab E, tidak layak ITP dalam **tempoh interim** dan selepasnya. Anggota berkenaan dikehendaki membayar kadar sewa dua kali ganda selagi anggota menduduki rumah tersebut.

6. ITP **hendaklah diberi** kepada anggota yang masih berkhidmat di bawah skim perkhidmatan JKK 1976 termasuk -

6.1. yang ditawarkan Cuti Belajar Dengan Biasiswa/Hadiah Latihan **Di Dalam Negeri**. Bagi anggota yang diluluskan Cuti Belajar Separuh Gaji, kadar ITP yang layak diberi adalah separuh daripada kelayakannya;

6.2. yang ditawarkan Cuti Belajar Dengan Biasiswa/Hadiah Latihan **Di Luar Negeri** dan **tidak membawa** bersama keluarganya; dan

6.3. yang ditawarkan Cuti Belajar **Tanpa** Biasiswa/Hadiah Latihan Di Dalam atau Di Luar Negeri.

7. Kadar bayaran ITP adalah seperti berikut -

Kumpulan Perkhidmatan	Kadar Sebulan
Kumpulan A (Tingkatan Biasa/Kanan)	RM110.00
Kumpulan B, C dan D	RM 90.00

8. Anggota yang menduduki sesebuah Rumah Kerajaan yang kelasnya lebih tinggi daripada kelayakannya atas **permintaan sendiri dikehendaki** membayar perbezaan kadar kelayakan sewanya.

PEMBAYARAN TUNGGAKAN

9. Tunggakan pembayaran ITP bagi anggota yang berkhidmat di bawah skim perkhidmatan JKK 1976 hendaklah dibayar oleh Ketua Jabatan di mana anggota ditempatkan pada tarikh Pekeliling ini.

10. Anggota yang terlibat dengan -

10.1. urusan **penswastaan** hendaklah diberi pembayaran tunggakan ITP sehingga tarikh akhir anggota berkhidmat dengan Kerajaan dan

10.2. urusan **pengasingan** saraan hendaklah diberi pembayaran tunggakan ITP sehingga sebelum tarikh pengasingan tersebut.

Tunggakan bagi anggota tersebut akan dibayar oleh Kerajaan.

11. Jika anggota yang layak menerima ITP meninggal dunia pada atau selepas 1 Januari 1995, Ketua Jabatan di mana anggota tersebut ditempatkan dikehendaki membayar tunggakan tersebut. Perkiraan pembayaran tunggakan ITP hendaklah berdasarkan tempoh perkhidmatannya.

TARIKH KUATKUASA

12. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuatkuasa mulai 1 Januari 1995.

PEMAKAIAN

13. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan Pekeliling Perkhidmatan ini dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "


(DATO' PADUKA DR. MAZLAN BIN AHMAD)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
KUALA LUMPUR

31 Disember 1996

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

AIN10/PPITP.WPD